

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1987/88

FCP 454 Farmasi Klinikal II

Tarikh: 23 Jun 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Terangkan dengan ringkas penggunaan bahan nutrisi berikut pada kanak-kanak

- (a) Protein
- (b) Karbohidrat
- (c) Lemak
- (d) Bendalir

(25 markah)

2. Terangkan dengan ringkas peranan faktor-faktor berikut di dalam penentuan biokeperolehan drug pada kanak-kanak.

- (a) Fungsi gastrousus
- (b) Fungsi hati
- (c) Fungsi renal

(25 markah)

3. Seorang wanita berumur 30 tahun, berukuran berat badan sederhana dan tidak merokok ingin menjarakkan kelahiran anak kerana sebab-sebab kesihatan. Wanita ini menyatakan keinginannya untuk menggunakan pil kontraseptif.

...3/-

- (A) Berikan maklumat-maklumat lain yang perlu diketahui sebelum pil kontraseptif dimulakan.

(4 markah)

- (B) Senaraikan lima (5) kebaikan dan risiko penggunaan pil kontraseptif.

(10 markah)

- (C) Terangkan kebaikan dan masalah penggunaan pil mini.

(5 markah)

- (D) Terangkan kesan yang dikehendaki bagi pil kontraseptif ke atas aktiviti endometrium.

(6 markah)

4. Seorang pesakit lelaki diberikan oleh doktor klorpromazin dos permulaan 300 mg untuk dimakan 2 kali sehari. Pesakit diketahui mempunyai penyakit jantung dan tekanan darahnya adalah rendah daripada normal. Pesakit mengadu mengalami berbagai kesan sampingan terutama sekali terasa pitam-pitam apabila beralih daripada kedudukan berbaring. Pesakit didiagnosiskan mengalami skizofrenia akut.

- (A) Nyatakan kesan-kesan sampingan yang mungkin dialami oleh pesakit ini.

(4 markah)

- (B) Terangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan kesan sampingan pesakit ini termasuk cara pendosan dan regimennya.

(7 markah)

- (C) Komen berkenaan pemilihan drug dan cadangkan drug lain yang diberikan untuk pesakit ini. Terangkan cadangan anda.

(5 markah)

- (D) Jika pesakit ini mengalami masalah komplians, apakah saranan anda?

(5 markah)

- (E) Beri tiga simptom sasaran klorpromazin bagi pesakit ini. Nyatakan indikasi klorpromazin selain daripada skizofrenia.

(4 markah)

...5/-

5. (A) Cirikan tolerans dan dependens secara am dari segi simptom withdrawal, dos, kadar serta cara pengambilan drug.

(10 markah)

- (B) Terangkan sindrom 'Post-Drug Impairment?'. Bagaimanakah untuk merawat dan mengawal sindrom tersebut?

(7 markah)

- (C) Ada dua pendekatan yang digunakan secara rasmi untuk merawat dan memulih penagih-penagih dadah. Terangkan asas serta kaedah rawatan tersebut. Apakah peranan seorang ahli farmasi di dalam pendekatan tersebut?

(8 markah)